

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK HAJI HASANUDDIN  
BIN MOHD YUNUS [ HULU LANGAT ]**

**TARIKH : 14 NOVEMBER 2019 [ KHAMIS ]**

**SOALAN NO. 31**

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan dalam keadaan cuaca yang tidak menentu kini, adakah Kementerian berhasrat untuk memperlengkапkan Unit Udara Jabatan Bomba & Penyelamat dengan pesawat pemadam kebakaran CL 415 seperimana yang telah dimiliki oleh APMM.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) sedang membuat kajian terperinci merangkumi pelbagai pesawat dengan kapasiti yang tinggi serta fungsi-fungsi yang bersesuaian termasuklah pesawat CL 415. Pesawat yang diperlukan hendaklah praktikal dan mempunyai *value for money* bagi pengoperasian pemadaman, *Search and Rescue* (SAR), penyelamatan, pengangkutan, *medevac* dan pemantauan agar sesuai dengan keperluan tugas-tugas kecemasan.

2. Pada masa ini, Unit Udara JBPM dilengkapi dengan 9 buah helikopter. Kesemua helikopter tersebut selain digunakan untuk tujuan penyelamatan, digunakan juga bagi memantau kebakaran. 6 daripadanya juga berfungsi sebagai pesawat pemadam kebakaran.
3. Sepanjang insiden kebakaran hutan yang berlaku di negara ini, kolaborasi di antara JBPM dan Agensi Pengawatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) telah menunjukkan perkembangan yang positif dalam usaha memadam kebakaran hutan yang melanda. Namun begitu, kesiapsiagaan dan pertambahan aset juga perlu diberi perhatian memandangkan berlakunya kejadian cuaca ekstrem akibat pemanasan global.

Sekian, terima kasih.